

# Demonstrasi kecam Israel

Oleh **HAMDEN RAMLI**

**KUALA LUMPUR** 21 Julai - Rakyat Malaysia hari ini menyertai masyarakat antarabangsa mengadakan perhimpunan bagi membantah tindakan Israel melancarkan serangan dan pencerobohan ke atas Palestin serta Lebanon.

Selain Kuala Lumpur, perhimpunan yang melibatkan ratusan ribu orang itu turut diadakan di Indonesia, Filipina, Bangladesh, Korea Selatan dan Senegal.

Sentimen menentang keganasan rejim Zionis itu turut dipaparkan oleh rakyat di Venezuela, Mexico, Sepanyol, Argentina dan El Salvador.

Dalam perhimpunan berkenaan mereka mengecam kuasa-kuasa besar terutama Amerika Syarikat (AS) yang memberi lampu hijau kepada Israel melancarkan serangan serta mendesak supaya keganasan rejim berkenaan

dihentikan.

Walaupun berbeza dari segi latar belakang kaum dan agama tetapi mereka berhimpun dengan semangat yang sama iaitu mahukan Israel menamatkan tindakan kejamnya menceroboh Palestin dan Lebanon.

Di Kuala Lumpur, rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum dan agama keluar beramai-ramai menyertai perhimpunan anti-Israel bagi mendesak rejim Zionis segera menghentikan serangan dan pencerobohan ke atas kedua-dua negara tersebut.

Tanpa menghiraukan hujan, mereka yang kebanyakannya terdiri daripada golongan belia dan anggota pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memenuhi dua lokasi perhimpunan di Masjid KLCC dan Masjid Jamik Kampung Baru.

Perhimpunan yang bermula serentak sebaik selesai solat Jumaat itu berlangsung dalam suasana aman dengan kawalan rapi pihak polis.

Di Masjid KLCC, lebih 5,000 orang menyertai perhimpunan anjuran Pergerakan Pemuda UMNO, yang diketuai Naib Ketuaanya, Khairy Jamaluddin.

Perhimpunan yang turut disertai Pemuda Barisan Nasional (BN) itu kemudiannya berarak ke Pejabat Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Jalan Tun Razak, bagi menyampaikan memorandum bantahan menuntut dan mendesak supaya serangan Israel dihentikan serta-merta.

Sambil menyanyikan lagu keamanan, mereka turut mengibarkan sepanduk dan melancarkan slogan mengecam tindakan ganas Israel.

Selepas menyerahkan memorandum bantahan di Kedutaan AS, perarakan kemudian diteruskan ke Kedutaan Britain, sebelum ditamatkan di Kedutaan Perancis sebagai menghormati nasihat pihak berkuasa.

Khairy berkata, Pemuda UMNO dan rakyat Malaysia akan meneruskan bantahan

dan demonstrasi selagi Israel tidak menghentikan serangan terhadap Lebanon.

Katanya, Pemuda UMNO juga akan meneruskan bantahan menggunakan rangkaian pergerakan pemuda seluruh negara.

"Setiap pergerakan pemuda akan mendesak kerajaan negara masing-masing untuk memastikan mereka memberi tekanan kepada kuasa besar supaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengambil tindakan ke atas Israel," katanya kepada pemberita.

Mengenai memorandum bantahan itu, beliau berkata, Pemuda UMNO turut menghantar memorandum yang sama ke Kedutaan China dan Rusia serta pejabat kedutaan negara-negara yang bukan anggota tetap Majlis Keselamatan PBB.

Di Masjid Jamik Kampung Baru, sekitar 1,000 orang termasuk ratusan penyokong parti pembangkang, Pas menyertai perhimpunan anti-Israel.